

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 JUNE 2016

Zakat tegak keadilan sosial

um - 27/6/2016

PEKAN 26 Jun - Konsep zakat mampu menegakkan prinsip keadilan sosial dalam masyarakat terutama merapatkan jurang perbezaan ketara antara golongan kaya dan miskin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kewajipan mengeluarkan zakat bagi orang Islam yang cukup syarat dapat membersihkan harta mereka dengan membantu golongan yang layak dan berhak menerimanya.

“Zakat yang merupakan salah satu Rukun Islam juga dapat membentuk keperibadian mulia supaya tidak terbawa-bawa dengan sikap sombong, takbur dan terlalu mengejar kebendaan sehingga lupa asas agama, kesyukuran serta hubungan dengan manusia.

“Sebab itu pemberian dan sumbangan zakat sangat penting dalam masyarakat kita,” katanya dalam majlis penyampaian sumbangan zakat berjumlah RM1.72 juta kepada 6,264 golongan asnaf, ibu tunggal dan mereka yang layak dalam kawasan Parlimen ini di sini hari ini.

Kesemua zakat berkenaan diterima daripada Bank Rakyat, Naza Corporation Holdings Sdn. Bhd., UDA Holdings Berhad, Roadcare (M) Sdn. Bhd., Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Affin Islamic Bank Berhad, SME

Bank, Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan dua ahli perniagaan iaitu Datin Mariamah Mohamed serta Datuk Abdul Rahman Sultan.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang turut membantu mengagihkan zakat kepada penerima.

Yang turut hadir bagi mewakili penyumbang zakat ialah Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Abdul Aziz Zainal; Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Naza, SM Nasarudin SM Nasimuddin; Pengerusi UDA Holdings Berhad, Datuk Mohd. Shafei Abdullah; Pengarah Urusan Kumpulan SME Bank, Datuk Mohd. Radzif Mohd. Yunus dan Pengerusi YBK, Datuk Zainal Abidin Sakom.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan turut merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang zakat kerana memilih untuk menyalurkan bantuan itu kepada golongan layak menerimanya di kawasan berkenaan.

“Selain sedikit sebanyak dapat memberikan kegembiraan kepada para penerima menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, ia juga sesuatu yang sangat bermakna bagi pihak penyumbang dalam mereka melunaskan kewajipan,” ujar beliau.